

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan

EDISI 25

ISSN 1823-6421



KOPITALK COFFEE MENERJAH BUMI KANGGARU

Noorsa Riza Johari¹, Khairil Anuar Bahari¹, Joesri Mohamad Saber¹, Muhammad Shakir Zulkafl

¹Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan, UiTM Cawangan Pulau Pinang

Koresponden: noorsariza829@uitm.edu.my

Kopitalk Coffee merupakan dapur Malaysia yang diusahakan oleh Chef Dr. Kamarul di Gold Coast, Australia. Siapa sangka, seorang chef celebri dari Malaysia, Chef Dr. Kamarul Hasni telah membawa nama Kopitalk Coffee menerjah ke bumi kanggaru. Berasal dari Ipoh, Perak, beliau lebih dikenali dengan panggilan Chef Kamarul di kalangan mereka yang mengenalinya.

Beliau merupakan alumni UiTM dan pernah berkhidmat sebagai pensyarah di Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan, UiTM Pulau Pinang. Beliau sekeluarga telah berhijrah ke Gold Coast, Australia dan telah membuka sebuah restoran berkonsepkan *malay street food* yang dinamakan Kopitalk Coffee. Mengusahakan restoran di perantauan bukanlah sesuatu yang mudah. Beliau turut dibantu pasangannya, yang dikenali dengan panggilan Cik Yatt yang turut berkongsi idea dan kepakaran di dalam proses dekorasi dalaman restoran, susun atur dapur, perancangan menu (*menu planning*) dan seni hias makanan (*food styling*) di restorannya.

Sajian menu masakan Malaysia yang disediakan Kopitalk Coffee memberikan seribu satu rasa rasa kepuasan bagi masyarakat Malaysia yang berada di bumi kanggaru. Bagi masyarakat Australia pula, mereka turut berpeluang untuk merasai keenakan masakan Malaysia. Antara menu yang disajikan termasuklah laksa, nasi lemak, roti canai, asam pedas, nasi kandar dan pelbagai aneka kuih muih bagi memenuhi selera pengunjung.

Konsep bufet, Buffet @ Kopitalk diketengahkan oleh Chef Kamarul bagi menarik pelanggan menjamu selera ke restoran miliknya. Rata-rata masyarakat setempat turut sama menyukai konsep hidangan *buffet* yang pertama kali diperkenalkan di Gold Coast. Menu makanan yang pelbagai, rasa sedap dan harga yang berpatutan, menjadikan konsep buffet menepati pilihan pengunjung.

Melihat kepada ulasan atau maklumbalas pelanggan, rata-rata amat menyukai dan berpuashati dengan kualiti setiap hidangan yang disajikan. Jika anda berpeluang ke Gold Coast, jangan lepaskan peluang untuk singgah menjamu selera di Kopitalk Coffee bagi merasai sendiri keenakan air tangan hidangan Chef Kamarul.

Rujukan



[1] <https://www.facebook.com/kopitalkcoffee/>.



Chef Dr. Kamarul menunjukkan salah satu menu yang menjadi pilihan utama pelanggannya.



Antara menu utama yang dihidangkan di Kopitalk Coffee



Konsep bufet yang diperkenalkan Kopitalk Coffee memberikan suasana berbeza kepada pelanggan.